

Reaksi

Penduduk kampung dalam bandar



Harap pelan mewujudkan kampung tradisi menjadi kenyataan dan tidak sekadar menjadi retorik politik”

Mohd Amir Fisal,
Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Padang Balang



Tapak kampung yang dibangunkan projek perumahan tidak mampu dimiliki penduduk yang terpaksa meninggalkan kampung sendiri”

Zahari Daud,
Penduduk Kampung Chubadak Tambahan



Projek pembangunan akan berterusan dan mungkin kampung seperti Kampung Puah dan Kampung Padang Balang turut menjadi mangsa”

Norlilah Ismail,
Penduduk Kampung Chubadak Tambahan,

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

Arus pembangunan di sekitar Kampung Puah bakal melenyapkan penempatan itu.



Dilema penduduk kampung di ibu kota

Terhimpit kesan pengambilan tanah, pembangunan sekitar

BH. 10/5/2016 ms. 12

Oleh Ahmad Suhael Adan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kira-kira 6,300 penduduk Kampung Padang Balang, Mukim Setapak, di sini, bimbang kampung itu menjadi mangsa kerakusan pembangunan pada masa depan berikutan tiada kata putus berhubung statusnya.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Padang Balang, Mohd Amir Fisal, berkata penduduk pernah berbincang dengan Datuk

Bandar Kuala Lumpur sebelum ini, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berhubung kaedah membangunkan Kampung Padang Balang sebagai antara kampung tradisi dan keputusannya dicapai pada tahun 2010.

“Bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak memberi sebarang kata putus berhubung perbincangan itu sehingga hari ini dan kami takut, ianya hanya retorik politik semata-mata dan akhirnya, kampung Melayu ini menjadi mangsa pembangunan,” katanya.

Kampung Padang Balang kini antara beberapa perkampungan Melayu di mukim Setapak yang semakin dihimpit pembangunan dengan beberapa kampung di sekitarnya sudah lenyap dan ada beberapa lagi yang akan menerima nasib sama.

Mangsa kerakusan

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Chubadak Tambahan, di Sentul, yang terletak bersebelahan Kampung Padang Balang, Zahari Daud, 66, mangsa kerakusan pem-

angunan yang bakal melenyapkan kampung itu daripada peta ibu negara, berkata beliau tidak yakin perkampungan Melayu yang masih tinggal saki baki di bandar raya ini tidak akan dapat dipertahankan jika kerajaan sendiri tidak menghalang pembangunan di kawasan berkenaan.

Beliau yang terpaksa meninggalkan kampung didudukinya selama 46 tahun itu pada Mac lalu selepas tanahnya diambil alih bagi dibangunkan, berkata asalnya kampung itu memiliki lebih 1,000 rumah, namun selepas status tanah rizab Melayunya dibatalkan sekitar tahun 1970-an, ia perlahan-lahan ditelan pembangunan dan kini tidak sampai 100 rumah yang tinggal.

“Penduduk di sini tidak memiliki geran, namun ketika Datuk Harun Idris menjadi Menteri Besar Selangor, beliau memutuskan untuk menyerahkan tanah kampung ini kepada penduduk yang digelar sebagai peneroka bandar pada ketika itu.

“Bagaimanapun, beliau tidak sempat merealisasikan perkara itu apabila tidak lagi menjadi Menteri

Besar dan apabila kawasan itu dikeluarkan daripada Selangor, kerajaan tidak lagi mengiktiraf perjanjian Idris itu,” katanya ketika ditemui BH di Kampung Chubadak Tambahan di sini, semalam.

Katanya, walaupun bukti perjanjian itu wujud secara bertulis, namun mendakwa pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak menghiraukan tuntutan penduduk yang menggunakan perjanjian itu.

“Bukan senang pak cik nak tinggalkan kampung ini, tapi tidak ada apa yang boleh kami lakukan,” katanya.

Seorang lagi penduduk Kampung Chubadak Tambahan, Norlilah Ismail, 64, berkata kebanyakan penduduk kampung yang memiliki dokumen berkenaan perjanjian itu sudah meninggal dunia.

“Mahkamah rayuan ada memberikan ekuiti tanah kampung kepada penduduk di sini, tetapi PBT tidak menerimanya,” dakwanya.



Kampung di Kuala Lumpur yang lenyap

- Kampung Abdullah Hukum, Bangsar
- Kampung Kerinchi, Bangsar
- Kampung Pantai Dalam, Bangsar
- Kampung Mandailing, Chow Kit
- Kampung Rawa, Jalan Melayu dan Jalan Masjid India
- Kampung Jawa, Jalan Tun Perak

Untuk komen e-mel ke bhnews.bh.com.my atau di laman Facebook BH Online